

'Negaraz maju tidak ada kesungguhar atasi ekonomi negaraz membangun'

LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 2.

PM: USAHA SESAMA SENDIRI

Renungan

DAN jika kamu men hitung nikmat Allah, 1 dak dapat kamu menghtungnya. — Maksud A Quran / Ibrahim 34.

KUALA LUMPUR 4 Julai — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** malam ini menegaskan perlunya negara-negara membangun berusaha sesama sendiri bagi mengatasi berbagai cabaran dan masalah yang mereka hadapi memandangkan negara-negara maju tidak menunjukkan kesungguhan menyelesaikannya.

Menurut Perdana Menteri, tidak ada kesungguhan di kalangan negara-negara maju untuk mengatasi masalah - masalah ekonomi yang dihadapi sekarang sehingga kemelesetan terus berpanjangan.

Berucap di majlis makan malam meraikan Perdana Menteri Burma, Encik U Maung Kha, di sini malam ini, beliau berkata, semua negara membangun pada hari ini mempunyai masalah yang serupa, iaitu terpaksa berhadapan dengan kesulitan ekonomi.

"Kita semua terpaksa berhadapan dengan masalah kadar faedah yang tinggi, hutang luar yang banyak, dasar perlindungan dan kejatuhan harga komoditi -

komoditi utama negara," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, itu semua tidak boleh dihadapi secara bersendirian dan tidak boleh mengharapkan satu dasar baru ekonomi dunia untuk mengatasinya.

Dalam hubungan ini, katanya, Malaysia tidak semata-mata berjuang dalam kerjasama Selatan - Selatan tetapi dengan sumber - sumber yang terhad, ia juga menyumbangkan bantuan teknikal dan lain - lain kepada negara - negara membangun melalui program kerjasama teknikal Malaysia.

Mengenai hubungan dengan Burma, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia dan Burma perlu meningkatkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara terutamanya hubungan ekonomi.

Katanya, inilah masanya bagi kedua-dua negara memperkembangkan hubungan dan persefahaman yang sedia wujud, mencari jalan untuk menggalakkan kerjasama perdagangan dan ekonomi secara lebih berkesan.

Beliau yakin, badan-badan kerajaan dan sektor swasta di kedua-dua negara dapat menggunakan peluang - peluang yang terdapat dalam bidang perdagangan dan usahasama.

Sementara itu di sebelah pagi, Perdana Menteri telah mengadakan perbincangan dengan U Maung Kha di ibu negara.

Dalam perbincangan tersebut yang disertai sama oleh Timbalan Perdana Menteri dan beberapa orang menteri - menteri kabinet, Perdana Menteri telah mene-

LIHAT MUKA 11

PM: Usaha sesama sendiri atasi ekonomi

MM 5.7.87

gaskan perlunya negara - negara membangun menyalurkan lebih banyak perbelanjaan untuk usaha penyelidikan dan penggalakan penggunaan barangan utama yang dikeluarkan.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Tan Sri Zainal Abidin Sulong yang menemui para pemberita selepas perbincangan tersebut berkata Datuk Sri Dr. Mahathir meminta Burma supaya memberi kerjasama menggalakkan penggunaan barangan utama di pasaran dunia.

Di samping itu, menurut beliau, Perdana Menteri juga menegaskan tentang perlunya penyelidikan dijalankan dengan lebih berkesan untuk menggalakkan penggunaan barangan

pengeluaran utama seperti bijih timah.

Turut menghadiri perbincangan rasmi itu bagi pihak Malaysia ialah Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar, Menteri Pertahanan, Tengku Ahmad Rit-hauddeen, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Luar, dalam perbincangan tersebut Perdana Menteri juga memberitahu rombongan dari Burma itu tentang perlunya negara-negara membangun mengadakan kerjasama yang rapat untuk memastikan mereka tidak

ditindas oleh negara-negara maju.

Mengenai Kampuchea, Datuk Sri Dr. Mahathir mengulangi pendirian Malaysia supaya masalah tersebut diselesaikan menerusi Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu.

Kedua-dua pihak juga bertukar - tukar pandangan mengenai masalah penagihan dadah di negara masing - masing dan cara pembanteraan yang dilakukan.

Menurut Tan Sri Zainal, pihak Kerajaan Burma memberitahu bahawa negara itu mempunyai program yang berkesan untuk membanteras tanaman pokok-pokok popi di negaranya.

Antara lain perbincangan rasmi tersebut meliputi perkara - perkara berikut:

- Hubungan dua hala dan dasar luar negeri masing - masing.
- Keadaan politik dan keselamatan di negara masing - masing.
- Berikrar untuk mewujudkan hubungan yang lebih rapat di antara kedua-dua negara.
- Kedudukan ekonomi yang dihadapi sekarang.

Menurut Tan Sri Zainal, Perdana Menteri Burma itu juga menyatakan penghargaannya kepada Malaysia kerana memberi tempat pekerjaan kepada beberapa orang rakyatnya di bidang perubatan di negara ini.

Beliau juga menyampaikan undangan rasmi kepada Datuk Sri Dr. Mahathir supaya melakukan lawatan ke Burma dan undangan tersebut diterima.